



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2024

TATACARA PENGURUSAN PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA (ARAHAN PERBENDAHARAAN 11)

[kemas kini 04 Oktober 2024]

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG.....	1
3. PELAKSANAAN	4
4. HAL-HAL LAIN	4
5. TARIKH KUAT KUASA.....	4
6. PEMBATALAN	4
7. PEMAKAIAN	5
LAMPIRAN A:	6
TAKRIFAN.....	6
8. TUJUAN	7
9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	7
10. SISTEM BERKAITAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN.....	10
11. DOKUMEN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN.....	11
12. TERMA-TERMA LAIN	14
LAMPIRAN B:	16
GARIS PANDUAN PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA SERTA KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS	16
1. PENGENALAN.....	17
2. PENETAPAN KUASA DAN TUGAS OLEH PEGAWAI PENGAWAL	19
3. KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS OLEH KETUA JABATAN / PEMEGANG WARAN PERUNTUKAN.....	23
4. PENGASINGAN DAN PUSINGAN TUGAS	30
5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	33
6. HAD KUASA MEMPERAKU DAN MENYEMAK	35
LAMPIRAN C:	52
GARIS PANDUAN KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ).....	52
1. PENGENALAN.....	53
2. KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS.....	54
3. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN.....	55
LAMPIRAN D:	79
GARIS PANDUAN KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS PEJABAT PERAKAUNAN.....	79
1. PENGENALAN.....	80
2. PERANAN SEMAK PEJABAT PERAKAUNAN.....	81
3. PERANAN PERAKU I DAN PERAKU II DI PEJABAT PERAKAUNAN	81

4. KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS.....	83
RUJUKAN:	93
UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN	93

JANM.600-20/2/7(7)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2024**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**TATACARA PENGURUSAN PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL
KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 11)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/Jabatan mengenai tatacara pengurusan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya - Arahan Perbendaharaan (AP) 11 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023). Kementerian/Jabatan perlu memastikan Penetapan Kuasa Dan Tugas Kewangan Kepada Pegawai Perakaunan dilaksanakan dengan teratur, lengkap dan tepat.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan AP138, Akauntan Negara di bawah arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertanggungjawab:

- (a) (i) menentukan bahawa suatu sistem perakaunan yang sepatutnya diwujudkan dan pengawasan yang sesuai diadakan untuk mengelakkan kehilangan kerana penipuan atau kecuaiian di Perbendaharaan, Perbendaharaan Kecil dan Kementerian/Jabatan dalam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Akauntan Negara dari semasa ke semasa boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang perlu bagi panduan Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri berkenaan dengan perkara itu;

- (ii) menyediakan apa-apa arahan serta tatacara berkaitan perakaunan selaras dengan keperluan dasar dan piawaian perakaunan dari semasa ke semasa bagi panduan Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri; dan
 - (iii) menyediakan carta akaun bagi kegunaan perekodan dan perakaunan urus niaga.
- (b)
 - (i) menjalankan penyeliaan ke atas terimaan dan mengakaun Wang Awam Persekutuan yang terdiri daripada Hasil, Pinjaman, Amanah dan wang lain yang diterima oleh Persekutuan selain daripada Baitulmal atau hasil agama Islam yang serupa. Kewajipan ini termasuk dengan mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan bahawa Wang Awam itu diperakaunkan dan dipungut tepat pada waktunya;
 - (ii) menerima hanya perbelanjaan yang dibenarkan dengan sepatutnya sebagai tanggungan dalam akaunnya;
 - (iii) mengakaun dan membuat bayaran ke atas perbelanjaan Wang Awam yang dibenarkan dengan sepatutnya;
 - (iv) mengawal Lebihan atau Kurangan Dana Am dan Lebihan atau Kurangan Dana Amanah Kerajaan; dan
 - (v) melaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan apa-apa luar aturan yang matan berhubung dengan akaun awam yang dibawa kepada perhatiannya.
- (c) memastikan analisis, penyediaan dan pembentangan Laporan Perakaunan Pengurusan adalah dalam tempoh yang ditetapkan serta selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- (d)
 - (i) mengawasi pematuhan tatacara kewangan dan perakaunan di Kementerian/Jabatan selaras dengan piawaian perakaunan, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
 - (ii) mendapatkan segala dokumen dan rekod kewangan dan perakaunan termasuk wang tunai, setem, Aset Awam dan liabiliti awam semasa menjalankan tugas berkaitan dengan pematuhan di Kementerian/Jabatan.
- (e)
 - (i) menyelia penyediaan penyata kewangan Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan; dan
 - (ii) menyediakan dan menyerahkan Penyata Kewangan Kerajaan kepada Ketua Audit Negara sebelum atau pada 31 Julai tahun berikutnya.

- (f) memberi khidmat nasihat berkaitan piawaian perakaunan, pengurusan kewangan dan perakaunan bagi memastikan ia diuruskan dengan cekap dan teratur.
- 2.2 Selaras dengan AP139, tertakluk kepada penyeliaan am oleh Pegawai Pengawal, Ketua Akauntan Kementerian dipertanggungjawab dengan tanggungjawab Akauntan Negara sebagaimana ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 138 kecuali AP138(e)(ii).
- 2.3 Selaras dengan AP53, Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk melaksanakan kewajipan kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing dengan sempurna. Tanggungjawab tersebut adalah bagi memungut dengan sewajarnya segala Wang Awam yang patut diterima, menyimpannya dengan selamat serta bertanggungjawab sekiranya akaun yang dikemukakan oleh mereka atau di bawah kuasa mereka didapati tidak betul. Penetapan Kuasa dan Tugas kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya hendaklah dibuat secara bertulis. Apa-apa penetapan kuasa kepada pegawai lain hendaklah dibuat secara bertulis. Walau bagaimanapun, penetapan kuasa yang dibuat tidak melepaskan Pegawai Pengawal daripada tanggungjawab itu.
- 2.4 Selaras dengan AP53A, Pegawai Pengawal selaku Pegawai Perakaunan ketika melaksanakan tanggungjawab kewangan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan, arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa, piawaian perakaunan sektor awam dan peraturan yang berkuat kuasa.
- 2.5 Selaras dengan AP53B, Pegawai Perakaunan yang menerima penetapan kuasa adalah bertanggungjawab termasuk untuk membayar balik apa-apa kerugian atau kekurangan terimaan dan bayaran Wang Awam di bawah kawalan atau simpanannya sekiranya didapati kerugian atau kekurangan terimaan itu adalah disebabkan oleh kegagalan dan kecuaiannya Pegawai Perakaunan itu sendiri.
- 2.6 Penetapan kuasa dan tugas kewangan dan perakaunan dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan sebagaimana yang disenaraikan di [Rujukan](#).

3. PELAKSANAAN

3.1 Surat Pekeliling ini mengandungi garis panduan seperti berikut:

- | | | |
|-------|-----------------------------------|---|
| 3.1.1 | <u>Lampiran A</u> | Takrifan |
| 3.1.2 | <u>Lampiran B</u> | Garis Panduan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya Serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis |
| 3.1.3 | <u>Lampiran C</u> | Garis Panduan Kebenaran Khusus Secara Bertulis Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
| 3.1.4 | <u>Lampiran D</u> | Garis Panduan Kebenaran Khusus Secara Bertulis Pejabat Perakaunan (AO) |

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No.7, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya
u.p. : Unit Perakaunan Strategik (UPS)
e-mel : bkpups@anm.gov.my
no. tel. : 03 - 8886 9623/ 9538/ 9761/ 9703/ 9659/ 9875

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 6 Tahun 2018 rujukan ANM (T) 81/10/6/10(46) bertarikh 24 Oktober 2018 berkaitan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya (AP11) adalah dibatalkan.

7. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peraturan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR YAT BINTI AHMAD C.A.(M))

Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

2 September 2024

s.k:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua YB Pegawai Kewangan Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Akauntan Kementerian

Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Semua Bendahari Negeri/Akauntan Negeri



**LAMPIRAN A:
TAKRIFAN**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2024**

1. TUJUAN

Garis panduan ini menyenaraikan takrifan penting berkaitan Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya - Arahan Perbendaharaan (AP) 11 sebagai rujukan Kementerian/Jabatan. Ia mengandungi takrifan umum dan takrifan khusus merujuk kepada lampiran lain dalam surat pekeliling ini.

2. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

2.1 Pegawai Pengawal

Pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar/Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam Anggaran Perbelanjaan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk mengawal perbelanjaan bagi maksud yang ditetapkan tertakluk kepada arahan oleh Perbendaharaan bagi maksud Persekutuan dan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri bagi maksud Negeri.

Takrifan ini hendaklah dibaca bersama AP10 seperti berikut:

2.1.1 Pegawai Perakaunan yang tertentu yang diberi tugas menjaga pada amnya Wang Awam yang diperuntukkan di bawah sesuatu maksud anggaran adalah dinamakan Pegawai Pengawal bagi maksud itu. Semua Pegawai Pengawal Persekutuan adalah dilantik oleh Menteri Kewangan dan semua Pegawai Pengawal Negeri oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Pelantikan itu dinyatakan dengan mencetak nama jawatan Pegawai Pengawal bagi setiap satu (1) maksud Anggaran Perbelanjaan bersempena dengan setiap Maksud Perbelanjaan itu.

2.1.2 Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengawal perbelanjaan di bawah Maksud Perbelanjaan (sebagaimana yang disenaraikan dalam Akta Perbekalan) tertakluk kepada apa-apa arahan yang dibuat oleh Perbendaharaan. Pegawai Pengawal juga bertanggungjawab kepada pengurusan dan kawal selia dalaman mengenai segala Wang Awam yang dipungut, diterima atau dibelanjakan dan semua Aset Awam yang diterima, disimpan atau dilupuskan oleh atau untuk Kementerian/Jabatan atau perkhidmatan yang baginya maksud anggaran itu diperuntukkan.

2.2 Pemungut

Selaras dengan AP3, Pemungut adalah pegawai yang berdasarkan kepada jawatannya atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau peraturan bertulis adalah bertanggungjawab untuk memungut wang bagi pihak Kerajaan.

Pemungut (Collector) yang bertanggungjawab untuk memungut wang bagi pihak Kerajaan di bawah undang-undang bertulis, antara lain adalah seperti berikut:

2.2.1 **Akta Duti Hiburan 1953 [Akta 103] – Seksyen 3**

“3. (1) Menteri Kewangan hendaklah menjadi Pemungut Duti Hiburan (dalam Akta ini disebut Pemungut) dan hendaklah bertanggungjawab untuk memungut duti yang ditetapkan oleh Seksyen 4 dan secara amnya untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Menteri Kewangan boleh melantik seorang timbalan atau timbalan-timbalan kepada **Pemungut** sama ada secara am bagi maksud Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya atau bagi maksud peruntukan tertentu Akta atau bagi maksud peraturan-peraturan tertentu yang dibuat di bawah Akta ini.”

2.2.2 **Stamp Act 1949 (revised 1989) [Act 378] – Section 3**

“3. (1) *The Director General of Inland Revenue referred to in subsection 134(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] shall be the **Collector of Stamp Duties**.*

*(2) The Minister of Finance may, by notification in the Gazette, appoint such number of **Deputy Collectors of Stamp Duties** as he thinks fit, for the purpose of carrying out the provisions of this Act.)”*

2.2.3 **Federation Light Dues Act 1953 (Revised 1981) [Act 250] – Section 3**

“3. (1) *The owner, agent or master of every ship which in the course of a voyage enters any port or place within Peninsular Malaysia, other than ships exempted under subsection (3), shall pay light dues as prescribed by the Minister under this Act to such officer (hereinafter in this Act referred to as “**the collector**”) as may be appointed by regulations to collect such light dues.*”

2.3 **Ketua Jabatan**

Ketua sesuatu sektor, bahagian atau cawangan di peringkat Ibu Pejabat atau perwakilan luar negeri atau ketua jabatan wilayah, bahagian, cawangan, daerah, daerah kecil atau pejabat di peringkat negeri.

2.4 **Pemegang Waran Peruntukan**

Ketua Jabatan yang telah menerima penetapan kuasa daripada Pegawai Pengawal untuk menguruskan Waran Peruntukan di bawah AP11.

2.5 Pegawai Perakaunan

2.5.1 Setiap pegawai awam yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] iaitu:

- (1) memungut, menerima atau mengakaun atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaun terimaan Wang Awam; atau
- (2) membelanja/membayar atau yang sebenarnya membelanja/membayar atau mengakaun perbelanjaan Wang Awam; atau
- (3) menerima, menyimpan, mengeluarkan, melupus, atau mengakaun Aset Awam atau yang sebenarnya menerima, memegang, mengeluarkan atau melupus Aset Awam kecuali pemilikan dan pelupusan tanah Persekutuan dan Negeri.

2.5.2 Pegawai Perakaunan bertanggungjawab mengakaun semua transaksi kewangan dengan teratur dan tepat selaras dengan piawaian perakaunan sektor awam, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

2.6 Ketua Akauntan Kementerian

AP3 menetapkan Ketua Akauntan Kementerian adalah akauntan utama bagi Kementerian termasuk apa-apa gelaran jawatan yang setara dengannya yang bertanggungjawab kepada Pegawai Pengawalnya dan tertakluk kepada kuasa Akauntan Negara dalam perkara mengenai tatacara perakaunan.

Ketua Akauntan juga merupakan akauntan utama bagi Kementerian/Jabatan yang mempunyai lebih daripada seorang Pegawai Pengawal.

2.7 Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Selaras dengan PP PS 6.1 - Garis Panduan Penubuhan dan Penutupan Pusat Tanggungjawab dan Pejabat Pemungut, PTJ adalah merujuk kepada pejabat Pemegang Waran Peruntukan/Ketua Jabatan yang telah menerima penetapan kuasa dan tugas daripada Pegawai Pengawal dan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan di bawah seliaannya seperti peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan/Akaun Amanah Awam, pengurusan terimaan, pengurusan aset, pengurusan liabiliti serta sumber-sumber lain yang berkaitan dengan menjalankan fungsi minimum PTJ.

2.8 Pusat Kos

Unit Kumpulan PTJ & PTJ dalam baris caj yang diwujudkan bagi memperakaukan perbelanjaan untuk tujuan pelaporan dan melaksanakan sebahagian fungsi PTJ.

2.9 Pejabat Pemungut

Pejabat Pemungut adalah merujuk kepada pejabat yang bertanggungjawab menerima wang daripada pelanggan bagi pihak Kerajaan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

2.10 Pejabat Perakaunan (*Accounting Offices - AO*)

Bahagian Akaun Kementerian dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan bagi Kerajaan Persekutuan manakala bagi Kerajaan Negeri yang merujuk kepada pejabat Bendahari Negeri/Akauntan Negeri.

2.11 Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT)

Warganegara tempatan, warganegara asing pemastautin tetap atau warganegara Malaysia yang dilantik untuk berkhidmat dengan mana-mana Perwakilan atau Pejabat Wakil Agensi Kerajaan Malaysia di luar negeri.

2.12 Akaun Bank Kerajaan

Akaun Kerajaan di bank dan institusi kewangan yang diluluskan oleh Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri selaras dengan AP3.

Selaras dengan seksyen 5 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] dan AP140A, pembukaan Akaun Bank Kerajaan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Perbendaharaan melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

2.13 Wang Awam

Pengertian seperti di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] dan termasuklah wang tunai dan kesetaraan tunai serta semua instrumen kewangan Kerajaan.

3. SISTEM BERKAITAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

3.1 *Integrated Government Financial Management and Accounting System (iGFMAS)*

Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Bersepadu Kerajaan Persekutuan yang berupaya menjana Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berasaskan akruan dan tunai ubahsuai.

3.2 Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) adalah sistem pengurusan kewangan dan perakaunan berkomputer berasaskan Akruan bagi agensi Kerajaan di luar negeri.

3.3 Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPAYMENT)

Sistem terimaan elektronik bersepadu yang dibangunkan oleh JANM untuk terimaan Kerajaan Persekutuan.

3.4 Sistem ePerolehan (eP)

Sistem perolehan Kerajaan Persekutuan secara dalam talian yang selamat dan membolehkan pembekal menawarkan bekalan/perkhidmatan kepada Kerajaan termasuk urusan dokumentasi perolehan.

3.5 Sistem Pembayaran Dan Terimaan Kerajaan Yang Lain

Sistem Pembayaran Dan Terimaan Kerajaan di Kementerian/Jabatan yang telah mendapat kelulusan reka bentuk sistem selaras dengan SPANM Permohonan Pembangunan Sistem Perakaunan Kewangan Agensi Kerajaan dan berintegrasi dengan iGFMAS.

4. DOKUMEN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

4.1 Waran

Selaras dengan AP14, Waran merupakan kebenaran yang diperlukan sebelum sesuatu perbelanjaan boleh dibayar dari Kumpulan Wang Disatukan. Kebenaran berbelanja ini disampaikan melalui waran yang ditandatangani oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri kepada Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Waran Am itu membenarkan pengeluaran Wang Awam sebanyak yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan yang diluluskan oleh undang-undang.

Waran adalah dokumen kewangan yang terdiri daripada Waran Am dan Waran Peruntukan.

4.1.1 Waran Am

Dokumen kewangan Waran Am [Kew.308E(AM)] yang digunakan untuk menyelenggara peruntukan mengurus dan pembangunan di peringkat Pegawai Pengawal di paras Objek Am selaras dengan Anggaran Perbelanjaan Tahunan dan kuasa pindah peruntukan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PB 2.5 - Pindah Peruntukan Perbelanjaan

Pembangunan Tahunan dan PB 2.6 - Pindah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus.

4.1.2 Waran Peruntukan

Dokumen kewangan Waran Peruntukan (Kew.308E) yang digunakan untuk menyelenggara peruntukan mengurus dan pembangunan di peringkat PTJ mengikut Objek Sebagai (OS).

4.2 Pesanan Kerajaan

Pesanan Kerajaan adalah terdiri daripada:

- 4.2.1 Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan) (Am 75E – Pin.1/2017/Am 75) (Purchase Order - PO);
- 4.2.2 Inden Kerajaan (J.K.R 58E – 2020/J.K.R 58 - Pin.1/2020) (Work Order - WO);
- 4.2.3 Tanggungan Kontrak Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan) (Contract Order - CO);
- 4.2.4 Tanggungan Kontrak Kerajaan (Kerja) (Contract Work - CW); dan
- 4.2.5 Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) (Kew.301E/Kew.301).

4.3 Baucar

Baucar adalah dokumen kewangan yang terdiri daripada Arahan Pembayaran, Baucar Jurnal atau Baucar Kecil.

4.3.1 Arahan Pembayaran

Dokumen kewangan (Kew.330E/330) yang diperakukan oleh PTJ kepada AO untuk membuat bayaran. Dokumen ini disokong dengan butir-butir penuh mengenai setiap tuntutan, pendahuluan, perolehan bekalan/perkhidmatan atau kerja yang telah disempurnakan. Arahan Pembayaran hendaklah disediakan oleh PTJ Pembayar.

Arahan Pembayaran yang dijana bagi proses pembayaran Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri (Tanpa Pendahuluan Diri) Secara Digital melalui HRMIS atau sistem pembayaran kerajaan lain yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berstatus draf dan Arahan Pembayaran iGFMAS merupakan dokumen kewangan rujukan utama.

4.3.2 Baucar Jurnal

Dokumen kewangan (Kew.306E/306) yang disediakan untuk melaraskan transaksi perakaunan. Baucar Jurnal hendaklah disediakan oleh PTJ Menyedia.

4.3.3 Baucar Kecil

Dokumen kewangan (Kew.50E/50) yang disediakan untuk pembayaran menggunakan Panjar. Penggunaan Baucar Kecil hendaklah dibaca bersama dengan SPANM Tatacara Pengurusan Panjar yang berkuat kuasa.

4.4 Invois Terimaan

Invois merupakan dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan yang mengandungi maklumat-maklumat jualan/perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan seperti terma pembayaran, deskripsi jualan/perkhidmatan, kuantiti, amaun dan lain-lain.

4.5 Nota Debit

Dokumen Kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pelanggan sekiranya terdapat tambahan kepada amaun Invois asal.

4.6 Nota Kredit

Dokumen Kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pelanggan sekiranya terdapat pengurangan daripada amaun Invois asal.

4.7 Resit Rasmi

Selaras dengan AP3, Resit Rasmi adalah sebarang bentuk akuan terimaan wang daripada orang awam termasuk dalam bentuk lesen, tiket, borang yang mana amaun bayaran tetap ditulis atau dicetak padanya atau melalui media elektronik.

4.8 Penyata Pemungut

4.8.1 Dokumen kewangan yang disediakan apabila terimaan hendak dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan selaras dengan AP79(a). Maklumat nombor dan nilai bagi setiap terimaan melibatkan mod terimaan (Cek/Kiriman Wang/Draf Bank) hendaklah dinyatakan dalam Penyata Pemungut.

- 4.8.2 Walau bagaimanapun, bagi semua jenis terimaan secara elektronik yang diakaunkan terus ke dalam Akaun Bank Kerajaan, Penyata Pemungut hendaklah disediakan berdasarkan amaun dan maklumat transaksi.

5. TERMA-TERMA LAIN

5.1 Pendigitalan

Proses membangunkan dan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communications Technology – ICT), sama ada perisian atau perkakasan komputer bagi menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan.

*Sumber MAMPU: Pelan Pendigitalan Penyampaian
Perkhidmatan Kerajaan*

5.2 Perkhidmatan Dalam Talian *End-to-End*

Perkhidmatan Dalam Talian yang dilaksanakan secara keseluruhan dari mula hingga akhir proses pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa perlu berurusan secara bersemuka.

*Sumber MAMPU: Pelan Pendigitalan Penyampaian
Perkhidmatan Kerajaan*

5.3 Automasi Pintar (Intelligent Automation - IA)

Teknologi automasi yang digunakan untuk menambahbaik proses pembuatan keputusan. Contoh automasi pintar adalah Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), Automasi Proses Robotik (Robotic Process Automation - RPA) dan Pembelajaran Mesin (Machine Learning - ML).

5.3.1 Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI)

Teknologi yang mencontohi/meniru kepintaran manusia dengan kemampuan untuk belajar memperbaiki mutu kerjanya dari semasa ke semasa hingga dapat berfungsi lebih cekap dan sempurna bagi melaksanakan suatu tugas.

Contoh: *Chat Generative Pre-trained Transformer* (Chat GPT) membantu dalam menyelesaikan tugas penulisan dan pencarian maklumat dengan lebih pantas.

5.3.2 Automasi Proses Robotik (Robotic Process Automation - RPA)

Teknologi robot perisian yang mencontohi/meniru tugas asas/rutin manusia yang berinteraksi dengan aplikasi dalam komputer. RPA

digunakan bagi proses yang standard, berulang dan melibatkan volum yang tinggi.

Contoh:

Semakan dokumen bagi proses pembayaran Wang Tak Dituntut (WTD) melalui Portal eGUMIS ke Modul GUMIS di iGFMAS.

5.3.3 Pembelajaran Mesin (Machine Learning - ML)

Merupakan algoritma yang berkemampuan untuk mencadangkan corak data masa hadapan berdasarkan kepada corak data sejarah yang telah diakses.

Contoh:

- (1) Semakan dokumen bagi proses pembayaran Wang Tak Dituntut (WTD) di iGFMAS.
- (2) Pengiklanan dan carian di Google yang memaparkan hasil berdasarkan kepada bagaimana seseorang menggunakan laman Google dan web secara amnya.

5.4 Tandatangan Digital

Tandatangan Digital pada dokumen kewangan selaras dengan seksyen 43, 64, 65 dan 66 Akta Tandatangan Digital 1997 [*Akta 562*] melalui Peranti/Alat Tandatangan Digital.

5.5 Peranti/Alat Tandatangan Digital

Selaras dengan AP70(c), dalam persekitaran elektronik di mana peranti/alat tandatangan digital digunakan, pengguna hendaklah menyimpan selamat peranti/alat tandatangan digital tersebut dan tidak boleh sama sekali memberikan peranti/alat tersebut kepada orang lain.



LAMPIRAN B:
GARIS PANDUAN PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL
KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA SERTA
KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2024

1. PENGENALAN

1.1 Garis panduan ini menerangkan tanggungjawab Kementerian/Jabatan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan (AO) berkaitan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis oleh Ketua Jabatan/ Pemegang Waran Peruntukan dilaksanakan dengan teratur, lengkap dan tepat.

1.2 Garis panduan ini mengandungi lampiran seperti berikut:

1.2.1	Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya – Pusat Tanggungjawab (PTJ)		Lampiran B1
1.2.2	Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya – Pejabat Perakaunan (Accounting Offices – AO)		Lampiran B2
1.2.3	Format Surat Litup Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas		Lampiran B3
1.2.4	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa (iGFMS PTJ)	Kew.290E-01-Pin.2/23	Lampiran B4
1.2.5	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa (iGFMS Pejabat Perakaunan)	Kew.290E-02-Pin.2/23	Lampiran B5
1.2.6	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa (iGFMS Ibu Pejabat JANM)	Kew.290E-03-Pin.2/23	Lampiran B6
1.2.7	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa (Portal iGFMS)	Kew.290E-04-2023	Lampiran B7
1.2.8	Contoh Laporan Capaian Pengguna Dan Had Kuasa Pusat Tanggungjawab		Lampiran B8
1.2.9	Kuasa Tetap - Elektronik	Borang AK52	Lampiran C1
1.2.10	Kuasa Tetap – Manual	Borang AK52	Lampiran C2
1.2.11	Kuasa Tetap Mengendalikan Akaun Bank di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri	Borang AK52	Lampiran C3

1.2.12	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)] di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri	Borang AK52	Lampiran C4
1.2.13	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)]	Borang AK52	Lampiran C5
1.2.14	Arahan Perbendaharaan 101 Pegawai-Pegawai Memperaku Dan Menandatangani Baucar	Kew.290-Pin.1/2017	Lampiran C6
1.2.15	Arahan Perbendaharaan 69 – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Mengutip Dan Menerima Wang		Lampiran C7
1.2.16	Arahan Perbendaharaan 65(c) & (d) dan 70(b) – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Menggunakan Mesin Beresit / Sistem Bermesin / Elektronik		Lampiran C8
1.2.17	Arahan Perbendaharaan 70(a) – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Menulis Dan Menandatangani Resit		Lampiran C9
1.2.18	Arahan Perbendaharaan 73 dan 80(b) – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Merekod Terimaan Dan Menyemak Buku Tunai		Lampiran C10
1.2.19	Arahan Perbendaharaan 62(b) – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Membatalkan Resit Rasmi		Lampiran C11
1.2.20	Arahan Perbendaharaan 79 – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Penyediaan Penyata Pemungut		Lampiran C12
1.2.21	Arahan Perbendaharaan 78 – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Memasukkan Terimaan Ke Dalam Bank		Lampiran C13
1.2.22	Arahan Perbendaharaan 71 – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Merekod Dan Menyemak Laporan/Daftar Mel		Lampiran C14
1.2.23	Arahan Perbendaharaan 125 – Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Pemegang Kunci Dan Nombor Kombinasi Bilik Kebal Atau Peti Besi		Lampiran C15

1.2.24	Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Penyelenggaraan Laporan Kewangan Dan Perakaunan	Lampiran C16
1.2.25	Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Pengurusan Emolumen	Lampiran C17
1.2.26	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)]	Lampiran D1
1.2.27	Kuasa Tetap (Kebenaran Menandatangani Cek)	Lampiran D2
1.2.28	Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Kelulusan Bayaran Melalui Draf Bank/Pindahan Telegraf (TT)	Lampiran D3
1.2.29	Kebenaran Khusus Secara Bertulis Untuk Kelulusan Arahan Penahanan Bayaran Emolumen Di Bank	Lampiran D4

1.3 Selaras dengan AP101, [Pegawai Perakaunan](#) hendaklah menerima Penetapan Kuasa Dan Tugas serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis untuk memperaku dan menandatangani [Baucar](#).

1.4 Penetapan kuasa memperaku baucar menggunakan Automasi Pintar (Intelligent Automation – IA) seperti *Robotic Process Automation* – RPA hendaklah mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

2. PENETAPAN KUASA DAN TUGAS OLEH PEGAWAI PENGAWAL

Penetapan Kuasa Dan Tugas Kewangan dan Perakaunan oleh Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya hendaklah dilaksanakan selaras dengan subseksyen 15A (1) dan 15A (2) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], AP9, AP10, AP11, AP53, AP53A, AP53B seperti berikut:

2.1 Subseksyen 15A (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]

Menteri atau Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana yang berkenaan, boleh melantik, bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, seorang Pegawai Pengawal untuk mengawal, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberi oleh pihak berkuasa kewangan, perbelanjaan yang dibenarkan di bawah maksud itu, dan menjadi ketua Pegawai Perakaunan bagi semua Wang Awam yang telah dikutip, diterima atau dibelanjakan dan semua stor awam yang telah diterima, dipegang atau dilupuskan oleh atau atas akaun jabatan atau perkhidmatan yang baginya tujuan itu disyaratkan.

2.2 Subseksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]

Setiap Pegawai Pengawal hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kewangan di bawah seksyen 4, menetapkan had mana kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberi atau dikenakan ke atasnya boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh mana-mana Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan memberi arahan-arahan tertentu sebagaimana yang perlu untuk menjamin perjalanan atau pelaksanaan sempurna kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut.

2.3 Selaras dengan AP53, Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk melaksanakan kewajipan kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing dengan sempurna. Tanggungjawab tersebut adalah bagi memungut dengan sewajarnya segala Wang Awam yang patut diterima, menyimpannya dengan selamat serta bertanggungjawab sekiranya akaun yang dikemukakan oleh mereka atau di bawah kuasa mereka didapati tidak betul. **Penetapan Kuasa dan Tugas kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya hendaklah dibuat secara bertulis.** Walau bagaimanapun, penetapan kuasa yang dibuat tidak melepaskan Pegawai Pengawal daripada tanggungjawab itu.

2.4 Selaras dengan AP53A, Pegawai Pengawal selaku Pegawai Perakaunan ketika melaksanakan tanggungjawab kewangan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan, arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa, piawaian perakaunan sektor awam dan peraturan yang berkuat kuasa.

2.5 Selaras dengan AP53B, Pegawai Perakaunan yang menerima penetapan kuasa dan tugas adalah bertanggungjawab termasuk untuk membayar balik apa-apa kerugian atau kekurangan terimaan dan bayaran Wang Awam di bawah kawalan atau simpanannya sekiranya didapati kerugian atau kekurangan terimaan itu adalah disebabkan oleh kegagalan dan kecuaiian Pegawai Perakaunan itu sendiri.

2.6 Selaras dengan AP9, Pegawai Perakaunan adalah seorang pegawai yang ada urusan berkenaan dengan Wang Awam atau Aset Awam, adalah seorang Pegawai Perakaunan dalam erti seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Istilah ini hendaklah dipakai bagi Ketua Jabatan atau bagi pegawai bawahannya apabila mereka menguruskan Wang Awam atau Aset Awam, sebagaimana juga dipakai bagi Akauntan dan Pegawai Kewangan.

2.7 Selaras dengan AP10, Pegawai Perakaunan yang tertentu yang diberi tugas menjaga pada amnya Wang Awam yang diperuntukkan di bawah sesuatu maksud anggaran adalah dinamakan Pegawai Pengawal bagi maksud itu. Semua Pegawai Pengawal Persekutuan adalah dilantik oleh Menteri Kewangan dan semua Pegawai Pengawal Negeri oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Pelantikan itu dinyatakan dengan mencetak nama jawatan Pegawai Pengawal

bagi setiap satu maksud Anggaran Perbelanjaan bersetentangan dengan setiap Maksud Perbelanjaan itu.

Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengawal perbelanjaan di bawah Maksud Perbelanjaan (sebagaimana yang disenaraikan dalam Akta Perbekalan) tertakluk kepada apa-apa arahan yang dibuat oleh Perbendaharaan. Pegawai Pengawal juga bertanggungjawab kepada pengurusan dan kawal selia dalaman mengenai segala Wang Awam yang dipungut, diterima atau dibelanjakan dan semua Aset Awam yang diterima, disimpan atau dilupuskan oleh atau untuk Kementerian/Jabatan atau perkhidmatan yang baginya maksud Anggaran itu diperuntukkan.

2.8 AP11(a) telah menetapkan seperti berikut:

- (i) Kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya hendaklah dinyatakan dengan bertulis.
- (ii) Kewajipan kewangan dan perakaunan yang menggunakan automasi pintar di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana automasi pintar itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya automasi pintar dan Pegawai Perakaunan yang bertanggungjawab ke atas automasi pintar hendaklah dinyatakan dengan bertulis.

2.9 AP11(b) menetapkan sekiranya berlaku sesuatu luar aturan, Pegawai Pengawal sepatutnya boleh menentukan dengan mudah pegawai yang bertanggungjawab; jika tidak, Pegawai Pengawal mungkin perlu mengganti apa-apa Kehilangan. Ada kemungkinan dalam sesuatu Kementerian/Jabatan yang besar Pegawai Pengawal menjalankan sedikit sahaja atau tidak langsung menjalankan kerja-kerja kewangan sehari-hari tetapi arahan-arahan yang tetap bagi Kementerian/Jabatannya atas perkara itu mestilah diluluskan olehnya sendiri dan sama ada arahan-arahan itu memberi kesan atau tidak hendaklah sentiasa menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.

2.10 Penetapan kuasa dan tugas kewangan dan perakaunan ini juga perlu disediakan kepada pegawai awam/[Kakitangan Ambilan Tempatan](#) (KAT) di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil)/Pejabat Wakil Kementerian dan Jabatan Persekutuan di luar negeri yang tertakluk kepada Pegawai Pengawal berkenaan.

2.11 Penetapan kuasa dan tugas kewangan dan perakaunan hanya boleh dilaksanakan oleh Pegawai Pengawal sahaja.

2.12 Selaras dengan seksyen 50 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*], Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal boleh **dilaksanakan**

berdasarkan jawatan memandangkan Pegawai Pengawal masih boleh mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab sebagaimana yang perlu dipatuhi di bawah AP11(b) iaitu:

- (1) jawatan berdasarkan Waran Perjawatan;
- (2) *contract of service* (COS) yang mengguna pakai skim perkhidmatan, gred dan kadar gaji sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perkhidmatan Awam. Emolumen dibayar menggunakan peruntukan di bawah OS11000 dan OS29000; dan
- (3) kakitangan ambilan tempatan (KAT) di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) yang tertakluk kepada Pegawai Pengawal.

2.13 Kementerian/Jabatan dikehendaki mengemas kini Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal selaras dengan perkara berikut:

- (1) pelantikan Pegawai Pengawal baharu; dan/atau
- (2) perubahan perjawatan di Kementerian/Jabatan.

2.14 Pelantikan Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan oleh Menteri Kewangan dibuat atas nama jawatan Ketua Setiausaha Kementerian. Semasa ketiadaan Pegawai Pengawal, pegawai lain yang secara rasminya dilantik oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Pengawal, boleh menjalankan tugas sebagai Pegawai Pengawal dalam tempoh penangguhan kerja tersebut.

2.15 Senarai peranan dan tanggungjawab berkaitan tugas kewangan dan perakaunan adalah seperti di [perenggan 5](#).

2.16 Format Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya disediakan seperti berikut:

2.16.1 Format Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah Kawalannya - Pusat Tanggungjawab (PTJ) di [Lampiran B1](#). Senarai tugas kewangan dan perakaunan yang dinyatakan dalam Jadual tersebut adalah tidak terhad kepada tugas yang disenaraikan sahaja. Kementerian/Jabatan boleh menambah tugas kewangan dan perakaunan yang memerlukan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya.

2.16.2 Format Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah Kawalannya - Pejabat Perakaunan di [Lampiran B2](#).

- 2.16.3 Format Surat Litup Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal di [Lampiran B3](#). Tarikh pada surat litup adalah tarikh Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya.
- 2.17 Had amaun dalam Penetapan Kuasa Dan Tugas yang melibatkan dokumen Baucar hendaklah mematuhi amaun dalam Had Kuasa Peraku (HKP) seperti di [Jadual 2](#) dan Had Kuasa Menyemak (HKS) seperti di [Jadual 4](#).
- 2.18 Sekiranya terdapat kekangan perjawatan di PTJ, penyediaan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah AP11 boleh dibuat mengikut kekananan dan perjawatan pegawai di pejabat tersebut.
- 2.19 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan bagi pegawai awam/[Kakitangan Ambilan Tempatan](#) (KAT) di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil)/Pejabat Wakil Kementerian dan Jabatan Persekutuan lain di luar negeri yang melaksanakan tugas kewangan dan perakaunan diberi Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal sebagaimana ketetapan di [perenggan 2.10](#).
- 2.20 PTJ di bawah Kerajaan Negeri seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri atau agensi di bawah seliaan Kerajaan Negeri yang menerima peruntukan sepenuhnya daripada Kementerian/Jabatan Persekutuan boleh menggunakan format Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Negeri masing-masing kepada Pegawai Perakaunan – Pusat Tanggungjawab (PTJ).
3. **KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS OLEH KETUA JABATAN / PEMEGANG WARAN PERUNTUKAN**
- 3.1 Ketua Jabatan/Pemegang Waran Peruntukan PTJ hendaklah menyelenggara **Kebenaran Khusus Secara Bertulis** bagi menyokong Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan dengan menyediakan **butir-butir nama, jawatan dan lain-lain** yang berkenaan supaya Penetapan Kuasa dan Tugas dalam format AP11 tersebut lebih jelas.
- 3.2 Kebenaran Khusus Secara Bertulis hendaklah disediakan selari dengan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya (AP11).
- 3.3 Selaras dengan AP11(b), Kebenaran Khusus Secara Bertulis ini boleh dijadikan rujukan dalam menentukan pegawai yang bertanggungjawab sekiranya berlaku sesuatu di luar aturan.
- 3.4 Ketua Jabatan di PTJ luar negeri hendaklah menyelenggara Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi menyokong Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal (AP11) kepada pegawai awam/[Kakitangan Ambilan Tempatan](#) (KAT) di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil)/Pejabat Wakil Kementerian dan

Jabatan Persekutuan lain di luar negeri yang melaksanakan tugas kewangan dan perakaunan. Kebenaran Khusus Secara Bertulis ini hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan di PTJ luar negeri atau berdasarkan ketetapan lain yang ditentukan oleh Pegawai Pengawal masing-masing.

- 3.5 Ketua Jabatan/Pemegang Waran Peruntukan hendaklah menyediakan skop tugas yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai bagi memastikan pegawai yang ditukar lantik melaksanakan tugas bersesuaian dengan gred tukar lantik yang disandang. Contoh, pegawai yang ditukar lantik daripada W19 kepada W29 (KUP) boleh diberikan peranan yang sesuai dengan gred yang ditukar lantik.
- 3.6 Kebenaran Khusus Secara Bertulis ini hendaklah dikemas kini apabila pegawai telah bertukar/meletak jawatan/bersara/tamat perkhidmatan atau sebab-sebab lain yang berkaitan untuk memastikan maklumat dan peranan capaian pegawai adalah terkini.
- 3.7 Format Kebenaran Khusus Secara Bertulis adalah seperti berikut:

	Nama Borang	Rujukan	Peringkat
3.7.1	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa iGFMS PTJ	Kew.290E-01-Pin.2/23	PTJ
3.7.2	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa iGFMS Pejabat Perakaunan	Kew.290E-02-Pin.2/23	AO
3.7.3	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa iGFMS Ibu Pejabat, JANM	Kew.290E-03-Pin.2/23	HO
3.7.4	Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa (Portal iGFMS)	Kew.290E-04-2023	PTJ/ AO/ HO
3.7.5	Kuasa Tetap - Elektronik	Borang AK52	PTJ
3.7.6	Kuasa Tetap – Manual	Borang AK52	PTJ
3.7.7	Kuasa Tetap Mengendalikan Akaun Bank di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri	Borang AK52	PTJ Malawakil

	Nama Borang	Rujukan	Peringkat
3.7.8	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)] di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri	Borang AK52	PTJ Malawakil
3.7.9	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)]	Borang AK52	AO
3.7.10	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)]	Borang AK52	PTJ (Panjar Khas)
3.7.11	Kuasa Tetap (Kebenaran Menandatangani Cek)	Borang AK52	AO
3.7.12	Arahan Perbendaharaan 101 Pegawai-Pegawai Memperaku dan Menandatangani Baucar	Kew.290-Pin.1/2017	PTJ manual/ PTJ di bawah Badan Berkanun (jika berkaitan)

Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa boleh dimuat turun di Portal JANM dalam format MS Excel. Borang tersebut merangkumi Format Capaian Peranan dan disokong dengan Panduan Mengisi Borang serta Manual Pengguna iGFMS *Service Desk*.

3.8 Selaras dengan AP69, tiada seseorang pegawai boleh menerima Wang Awam dalam apa jua bentuk terimaan kecuali diberi Kebenaran Khusus Secara Bertulis oleh Pemungut untuk berbuat demikian. Pemungut hendaklah menyelenggara suatu rekod mengenai kebenaran yang telah diberi seperti di [Lampiran C7 hingga C15](#).

3.9 Ketua Jabatan juga hendaklah menyelenggara Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi penyelenggaraan laporan kewangan dan perakaunan menggunakan format [Lampiran C16](#) manakala Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi pengurusan emolumen adalah seperti di [Lampiran C17](#).

3.10 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

3.10.1 PTJ perlu melengkapkan borang yang berkaitan seperti berikut:

- (1) Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa **iGFMS PTJ** (Kew.290E-01-Pin.2/23); atau
- (2) Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa (**Portal iGFMS**) (Kew.290E-03-Pin.2/23);

- (3) Borang AK52 (Elektronik) - Kuasa Tetap Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas ([Lampiran C1](#)); atau
- (4) Borang AK52 (Manual) - Kuasa Tetap Kebenaran menunaikan EFT/Cek di bawah AP96(a) dan Pendahuluan Pelbagai ([Lampiran C2](#));

Bagi PTJ yang memegang Panjar Wang Runcit, Borang AK52 Panjar Wang Runcit sedia ada yang berkuat kuasa boleh digunakan untuk menunaikan wang di bank sebelum wang tunai diserahkan kepada pegawai yang dilantik untuk menguruskan pembayaran di bawah AP96(a).

- (5) Kuasa Tetap Mengendalikan Akaun Bank di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri ([Lampiran C3](#)) – *hanya untuk PTJ Malawakil sahaja*;
- (6) Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)] di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri ([Lampiran C4](#)) – *hanya untuk PTJ Malawakil sahaja*;
- (7) Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)] ([Lampiran C5](#)) – *hanya untuk PTJ Panjar Khas (bagi peranan papar sahaja)*;
- (8) Borang Kew. 290-Pin.1/2017 Arahan Perbendaharaan 101 Pegawai-Pegawai Memperaku dan Menandatangani Baucar seperti di [Lampiran C6](#) – *hanya untuk PTJ manual sahaja*;
- (9) Borang Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi Melaksanakan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal bagi Pengurusan Terimaan seperti di [Lampiran C7 hingga C15](#);
- (10) Borang Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi Penyelenggaraan Laporan Kewangan dan Perakaunan seperti di [Lampiran C16](#);
- (11) Borang Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi Pengurusan Emolumen seperti di [Lampiran C17](#); dan
- (12) Borang Permohonan Capaian Sistem iSPLN (jika berkaitan).

- 3.10.2 Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan kepada AO bagi peranan:

Peranan	Tujuan
Baharu	Pengguna baharu
Tambah/ Kemas kini	Menambah/mengemas kini capaian pengguna
Hapus	Menghapuskan peranan pengguna (pengguna bertukar/ tamat perkhidmatan)

- 3.10.3 Hanya peranan yang berubah sahaja perlu dikemas kini, peranan sedia ada akan kekal di iGFMS.

3.10.4 Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa (Portal iGFMS) (Kew.290E-04-2023)

- (1) Pengurusan permohonan capaian pengguna dan had kuasa dibuat melalui Modul Pengurusan Capaian di Portal iGFMS secara menyeluruh (end to end).
- (2) Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan mengikut jenis permohonan melalui Portal iGFMS.
- (3) Permohonan capaian pengguna dan had kuasa di peringkat PTJ, AO dan Ibu Pejabat JANM adalah menggunakan borang yang sama dalam Portal iGFMS.
- (4) Carta alir permohonan secara atas talian ini hendaklah dirujuk kepada Manual Prosedur Kerja iGFMS Modul *Authorization*.

- 3.10.5 Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua Kebenaran Khusus Secara Bertulis yang dikemas kini adalah tepat dan betul selaras dengan Penetapan Kuasa Dan Tugas dari Pegawai Pengawal di bawah AP11 yang berkuat kuasa.

- 3.10.6 PTJ adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan maklumat pada Laporan Capaian Pengguna dan Had Kuasa Pusat Tanggungjawab ([Lampiran B8](#)) adalah tepat dan betul seperti berikut:

- (1) maklumat pengguna adalah tepat;
- (2) hanya pengguna yang aktif di PTJ sahaja disenaraikan; dan

- (3) Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan Kebenaran Khusus Secara Bertulis oleh Ketua Jabatan/Pemegang Waran Peruntukan dipatuhi.

3.10.7 Sekiranya maklumat tidak tepat, PTJ bertanggungjawab memaklumkan kepada AO untuk tindakan pengemaskinian.

3.10.8 Borang AK52 Kuasa Tetap hendaklah dilengkapkan dan dicetak untuk kelulusan seperti berikut:

Bil.	Borang AK52	Tujuan	Kelulusan
1.	(a) Kuasa Tetap – Elektronik; atau (b) Kuasa Tetap – Manual	Panjar Wang Runcit	Pejabat Perakaunan
2.	(a) Kuasa Tetap – Elektronik; atau (b) Kuasa Tetap – Manual	Panjar Khas	Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA), JANM
3.	Kuasa Tetap (Kebenaran Menandatangani Cek)	Kebenaran Menandatangani Cek di Pejabat Perakaunan	BPOPA, JANM
4.	Kuasa Tetap – Manual	Kebenaran Menunaikan Cek/EFT: - AP96(a) - Pendahuluan Pelbagai	Pejabat Perakaunan
5.	Kuasa Tetap Mengendalikan Akaun Bank di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri	Mengendalikan Akaun Bank Panjar PTJ Malawakil	BPOPA, JANM
6.	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)] di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil) di Luar Negeri	Panjar Luar Negeri	BPOPA, JANM

Bil.	Borang AK52	Tujuan	Kelulusan
7.	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)]	Perbankan Internet di Pejabat Perakaunan	BPOPA, JANM
8.	Kuasa Tetap [Capaian Sistem Perbankan Internet (IB)]	Panjar Khas (fungsi papar sahaja)	BPOPA, JANM

Jadual 1: Peringkat Kelulusan Borang AK52 Kuasa Tetap

3.10.9 Borang AK52 Kuasa Tetap (Manual) disediakan oleh PTJ yang tidak mempunyai Panjar Wang Runcit dan digunakan bagi Kebenaran Menunaikan Cek/EFT di bawah AP96(a)/Pendahuluan Pelbagai seperti di [Lampiran C2](#).

3.10.10 Kuasa Tetap Capaian Sistem Perbankan Internet bagi PTJ Malawakil untuk peranan penyedia, penyemak/pengecas dan pelulus pindahan data/fail EFT di IB hendaklah ditentukan mengikut kekananan dan perjawatan di Pejabat Malawakil tersebut. Pegawai yang dilantik hendaklah mendapat Penetapan Kuasa Dan Tugas dari Pegawai Pengawal (AP11) dan Kebenaran Khusus Secara Bertulis dari BPOPA, JANM.

3.10.11 Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi Melaksanakan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal untuk Pengurusan Terimaan adalah seperti di [Lampiran C7 hingga Lampiran C15](#).

